



KENYATAAN MEDIA

PEMBEKALAN INPUT PERTANIAN PADI 2019 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) amat prihatin atas keperluan pesawah dengan menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kepada pesawah seperti baja campuran dan baja urea bagi tujuan penanaman padi. Bagi musim penanaman pertama 2018/2019, pembekalan baja urea dan sebatian kepada 322 ribu orang pesawah di seluruh Malaysia telah dilaksanakan setelah kelulusan khas diperolehi dari Kementerian Kewangan Malaysian (MOF).

Berkaitan pembekalan baja tambahan NPK pula, Kementerian masih meneruskan usaha mendapatkan kelulusan MOF untuk perolehan baja tersebut yang dianggarkan berjumlah 26,000mt untuk musim penanaman pertama 2018/2019. Dalam hubungan ini, Kementerian telah menyusun keutamaan program dengan mengesyorkan kepada MOF supaya kelulusan diberikan untuk menggunakan peruntukan sedia ada MOA bagi tujuan perolehan baja tambahan NPK ini.

Proses permohonan pindah peruntukan dan pelanjutan kontrak input pertanian padi tahun 2019 ini sedang dalam pertimbangan MOF dan pembekalan dijangka akan dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat .

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
1 MAC 2019

#####